



**FAKTOR MOTIVASI INTRINSIK DALAM KECEMERLANGAN GURU
CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM DAN GURU DI SEKOLAH
MENENGAH: SATU KAJIAN KES**

Kamarul Azmi Jasmi
Nur Syazwani Mohd Hanafiah
Ab. Halim Tamuri
Mohd Izham Mohd Hamzah

Abstrak : Artikel ini bertujuan membincangkan faktor dorongan motivasi intrinsik dalam kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) yang memberikan gambaran kepada kecemerlangan guru Pendidikan Islam di sekolah. Kajian dilaksanakan di lapan buah sekolah menengah di Malaysia yang melibatkan temu bual bersama GCPI, rakan guru, pelajar dan pengetua atau Penolong Kanan sekolah. Hasil temu bual ini kemudian disusun tadbir dengan program N'vivo versi 7.0 untuk menghasilkan tema dan jadual matriks berkaitan dengan faktor dorongan dalaman atau intrinsik dalam membantu kecemerlangan GCPI dan guru-guru di sekolah. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa sebab yang boleh dijadikan faktor intrinsik dalam membantu kecemerlangan GCPI dan guru-guru di sekolah. Antara faktor tersebut ialah gembira melihat kejayaan pelajar, amanah, pahala dan balasan akhirat, minat, iman dan ikhlas, kepuasan kerja dan seronok, pelajar beramal dan berahklak, dakwah dan jihad, kebiasaan dan pengalaman hidup dan mencapai target dan pengiktirafan.

Kata kunci: Faktor dorongan motivasi intrinsik, kecemerlangan GCPI

Abstract : This article aim was to discuss about the intrinsic motivational factor of Excellent Islamic Education Teachers (EIET) which is gives the view of the excellence teacher of Islamic Education in school. This study was conducted in eight secondary schools in Malaysia using interviews with the EIET, their colleagues, students and also school principals and senior assistant. This interview result then were organized using the N'vivo Version 7.0 to develop theme and matrix table regarding the factors of administrator and school principal that assisted the excellence of EIET. The study findings result show that there were several important factor for helping excellence EIET and teacher at school. The factors were include happy to see student's success, trust, reward and eternity retribution, interest, faith and sincere, job satisfaction and fun, student performing good moral, preaching and jihad, experience of life and achieve the target and recognition.

Keyword: The intrinsic motivational factor, Excellent Islamic Education Teachers (EIET)

PENGENALAN

Sekolah merupakan salah satu institusi pendidikan yang penting dalam sesebuah negara kerana pendidikan merupakan salah satu cara untuk melahirkan seorang pemimpin yang berkaliber. Pemimpin yang berkaliber dilahirkan oleh guru yang cemerlang. Kecemerlangan seseorang guru banyak di dorong oleh tahap motivasi yang tinggi yang ada dalam seseorang guru (Taidin Suhaimin). Perkataan motivasi adalah berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris iaitu "motivation". Perkataan asalnya ialah "motive" yang juga telah dipinjam oleh Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia kepada motif, yakni bermaksud tujuan. Oleh kerana perkataan motivasi adalah bermaksud sebab, tujuan atau pendorong, maka tujuan seseorang itulah sebenarnya yang menjadi penggerak utama baginya berusaha keras mencapai atau mendapat apa juga yang diinginkannya sama ada secara negatif atau positif. Motivasi juga bermaksud keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan (*Kamus Dewan*, 2009). Motivasi terbahagi kepada dua iaitu motivasi ekstrinsik dan motivasi intrinsik. Motivasi ekstrinsik timbul akibat pengaruh dari luar individu seperti ajakan, suruhan atau paksaan daripada orang lain sehingga seseorang itu melakukan sesuatu tindakan tersebut (Mufli, 2010). Motivasi intrinsik bermaksud motivasi yang timbul dari dalam diri individu sendiri tanpa ada paksaan dorongan orang lain, tetapi atas dasar kemahuan sendiri (Peran Guru Dalam Membangkitkan Motivasi Belajar Siswa, 2007). Dalam tulisan ini, pengkaji akan cuba untuk mengupas faktor-faktor intrinsik yang terdapat dalam seseorang guru. Sekiranya semua faktor ini dimiliki oleh semua guru, nescaya kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dapat ditingkatkan. Dalam artikel ini GCPI merujuk kepada Guru Cemerlang Pendidikan Islam.

OBJEKTIF

Kajian ini dijalankan untuk melihat objektif berikut iaitu melihat bentuk dorongan motivasi intrinsik yang menjadi faktor dalam kecemerlangan GCPI di sekolah. Manakala persoalan kajian pula menyentuh kepada "Apakah bentuk motivasi intrinsik yang menjadi faktor kecemerlangan GCPI dan guru-guru di sekolah?"

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Motivasi ialah proses intervensi atau keadaan dalaman seseorang yang mendorongnya untuk bertindak (Reber, 1987). Woolfolk (1995) pula menyatakan bahawa motivasi bukan hanya dorongan untuk bertindak tetapi juga mengarah dan meneruskan sesuatu tingkah laku. Menurutnya lagi, motivasi intrinsik merupakan kecenderungan untuk mencapai atau mengatasi cabaran-cabaran

kerana minat atau menggunakan keupayaan yang ada. Seseorang yang bermotivasi intrinsik tidak memerlukan insentif luaran, sama ada dalam bentuk ganjaran atau dendaan untuk bekerja (Woolfolk, 1995). Terdapat dua jenis motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.

Motivasi intrinsik dikaitkan dengan naluri ingin tahu dan dorongan mencapai kecekapan seseorang (Bruner, 1966). Teori Motivasi Herzberg (1966) menyatakan bahawa faktor intrinsik iaitu faktor motivator memotivasi seseorang untuk berusaha mencapai kepuasan, termasuk pencapaian, pengakuan dan kemajuan tingkat kehidupan. Motivasi intrinsik merupakan ganjaran yang bukan berbentuk kebendaan seperti kata-kata peransang, pujian dan nasihat. Dari segi kekuatan, motivasi intrinsik memberikan kesan yang berterusan di dalam diri pelajar. Memandangkan motivasi intrinsik memberikan kesan yang berterusan, maka adalah baik sekiranya sesuatu pembelajaran itu diselitkan dengan motivasi jenis ini agar pelajar sentiasa berminat untuk belajar. Motivasi intrinsik ini juga boleh dikaitkan dengan keperluan dalaman pelajar di mana pelajar yang ingin tahu akan kepentingan ilmu di dalam hidup akan rajai belajar jika dibandingkan dengan pelajar yang tidak tahu (Jamaluddin dan Zaidatun, 2003).

Menurut Teori Determinasi Diri atau Self Determination Theory/ SDT Motivasi (Deci dan Ryan, 1985), intrinsik juga dikaitkan dengan kegiatan yang dilakukan oleh seseorang adalah kerana hal itu menarik dan menyenangkan.

Wood, Kakebeeke, Debowski dan Frese (2000) memfokuskan perhatian pada peranan motivasi intrinsik, yang meliputi keinginan untuk menjalankan kegiatan kerana kegiatan tersebut dirasakan menyenangkan atau memudahkan.

Kesimpulannya, motivasi intrinsik ini diwujudkan secara semula jadi daripada rangsangan dalaman. Ia terdiri daripada dorongan dan minat individu bagi melakukan sesuatu aktiviti tanpa mengharap ataupun meminta ganjaran. Bagaimanapun, bukan semua motivasi intrinsik diwujudkan secara semula jadi. Terdapat juga motivasi intrinsik dibentuk daripada pembelajaran dan pengalaman yang membawa kepuasan. Contohnya, tabiat membaca buku cerita dan bermain alat muzik adalah gerakan motivasi intrinsik yang dibentuk daripada pembelajaran dan pengalamannya

METODOLOGI

Perbincangan metodologi adalah menyentuh kepada pendekatan dan jenis kajian, sampel kajian, dan kebolehpercayaan kajian. Kajian ini merupakan kajian melalui pendekatan kualitatif dengan pemilihan jenis kajian kes atau lebih tepat lagi sebagai kajian pelbagai kes (multiple case) atau dikenali sebagai kajian pelbagai tempat lapangan (multisite studies) yang menurut Merriam (2001) sebagai salah satu bentuk keesahan data kajian. Kajian ini seterusnya menggunakan tiga kaedah pengumpulan data, iaitu kaedah temu bual terhadap GCPI, Pengetua, dua orang

rakan, dan dua orang pelajar GCPI sebagai data utama. Manakala kaedah pemerhatian terhadap sampel kajian dan kaedah analisis dokumen dilaksanakan bagi menyokong data temu bual. Selain itu, nota lapangan dan diari juga digunakan untuk memperkukuhkan ketiga-tiga data tersebut.

Pemilihan sampel kajian pengkaji menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu kelompok responden yang mewakili populasi yang hendak dikaji dikenal pasti dan kesemua individu dalam kelompok tersebut diambil kira sebagai sampel (Sabitha, 2005). Pengkaji mengenal pasti lapan buah sekolah yang terdapat GCPI yang disenaraikan oleh Majlis Guru Cemerlang Malaysia [MGCM] (2007). Mengikut MGCM, pada tahun 2006 terdapat 32 orang GCPI yang termasuk dalam kajian ini. Namun daripada 32 orang ini, hanya lapan orang sahaja yang dipilih dalam kajian kes ini berdasarkan perkara berikut: (a) GCPI mestilah dalam pangkat DG 48 atau 52 supaya tahap keupayaan dan kecemerlangan boleh dianggap hampir sama untuk menghasilkan dapatan yang agak bersamaan; (b) GCPI mestilah mengajar tingkatan 4,5 atau 6 atas atau 6 bawah. Oleh itu, GCPI yang hanya mengajar tingkatan 1, 2 dan 3 tidak termasuk dalam kajian ini. Pemilihan pelajar daripada tingkatan 4 dan ke atas berdasarkan kematangan mereka yang lebih untuk sesi soal selidik dan temu bual (Abdullah Nasih Ulwan 1998); (c) GCPI juga mestilah mengajar subjek Pendidikan Islam, Syariah, Usuluddin dan Tasawwur Islam; (d) GCPI mewakili daripada pelbagai jenis sekolah dan lokasi, iaitu sama ada sekolah menengah bandar atau luar bandar, sekolah jenis agama atau jenis kebangsaan, sekolah harian atau berasrama, sekolah di pantai barat atau timur Semenanjung Malaysia, dan sekolah di utara atau tengah Semenanjung Malaysia. Bahagian selatan Semenanjung Malaysia tidka mempunyai wakil GCPI sebagaimana yang tercatat dalam senarai Majlis Guru Cemerlang Malaysia (2007) (e) Pengkaji juga memilih lapan orang GCPI yang paling senior daripada kategori (a), (b), (c) dan (d) kerana pengalaman mereka yang lebih berbanding yang junior dalam GCPI.

Ciri utama bagi menentukan kesesuaian dan kebolegunaan sesuatu *instrument* ialah kesahan dan kebolehpercayaan. Dalam kajian ini, kesahan muka dan kebolehpercayaan yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian kualitatif ini melibatkan beberapa langkah sebagaimana yang dicadangkan oleh Bogdon dan Biklen (2003), iaitu pengesahan inventori soalan separuh berstruktur oleh penyelia dan pakar bidang, kajian rintis, triangulasi data, laporan nota lapangan dan diari, pengesahan pakar terhadap tema yang dibina, serta pengiraan Cohhen Kappa terhadap tahap persetujuan pakar terhadap tema.

Triangulasi data dalam kajian ini melibatkan triangulasi antara lapangan kajian, triangulasi antara data temubual GCPI dengan temu bual bersama Pengetua, dua rakan guru dan dua pelajar GCPI, triangulasi antara data temu bual dengan data pemerhatian serta analisis dokumen yang disokong oleh nota lapangan dan diari pengkaji. Setelah semua hasil transkrip telah disahkan serta disusun semula, begitu juga laporan nota lapangan dan diari telah siap, pengkaji mula menyusun tadbir data tersebut untuk mendapatkan tema dapatan kajian dengan bantuan

program N`Vivo 7.0. Sebaik sahaja semua data diproses, dan data keseluruhan serta pola dapatan kajian dihasilkan, pengkaji menyediakan satu set borang persetujuan pakar terhadap tema yang dibina oleh pengkaji. Persetujuan pakar terhadap tema yang dibina ini penting menurut Cohen (et.al.2000; lihat Jadual 1) kerana pakar merupakan interater (persetujuan antara penilai), iaitu orang luar yang mengesahkan pembinaan tema yang dilakukan oleh pengkaji selaku pendidik (Cohen et al. 2000).

Jadual 1 : Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa

Indikator	Nilai Cohen Kappa
Sangat tinggi	0.9 <
Tinggi	0.89-0.70
Sederhan	0.69-0.30
Rendah	0.30 >

Jadual 2 : Senarai Panel Pakar Analisis Persetujuan Pembinaan Tema Data Kualitatif

Bil	Nama	Wakil	Jawatan dan Kelayakan	Kepakaran	Tahap (Cohen Kappa)
1.	Pakar A	Institute of Education, IIUM	Pembantu Professor, Dr.	Pendidikan Islam	0.94
2.	Pakar B	Dep. Of Education Foundation and Humanities, FP, UM	Pensyarah Kanan, Ketua Jabatan, Dr.	Pendidikan Guru dan Pendidikan Islam	0.92
3.	Pakar C	Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM	Pensyarah Kanan, Ketua Jabatan, Dr.	Pendidikan Islam, Pendidikan Nilai, dan Pedagogi	0.92

Sumber: Borang persetujuan pakar Pendidikan Islam terhadap tema data kualitatif 2009

Berdasarkan Jadual 2, sebanyak tiga orang pakar kualitatif dalam bidang Pendidikan Islam yang telah dilantik untuk menjadi *interater* terhadap tema yang dibina. Hasil daripada penilaian pakar ini menunjukkan bahawa pembinaan tema yang dilakukan oleh pengkaji mencapai tahap pengukuran Cohen Kappa pada tahap melebihi 0.9 (sangat tinggi). Pencapaian tahap persetujuan yang sangat tinggi mengikut penilaian Cohen Kappa ini merupakan bukti terbaik bagi menentukan kebolehpercayaan yang tinggi data kajian.

DAPATAN KAJIAN

Soalan separuh berstruktur tentang “Apakah faktor-faktor dorongan yang menjadi motivasi intrinsik kepada guru-guru dalam mencapai kecemerlangan GCPI dan guru di sekolah?” serta proses pemerhatian di dalam kelas oleh pengkaji serta analisis dokumen khususnya melalui tulisan GCPI. Ia telah menghasilkan pola faktor dorongan intrinsik untuk GCPI dalam jadual 3.

Jadual 3 : Pola dorongan gembira melihat kejayaan pelajar dalam Motivasi Intrinsik Kecemerlangan GCPI di S1-S8

Sek	Data Temu bual						Obesrvasi	Dokumen
	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/PK	O	AD
S1	X	X	X	-	-	-	X	-
S2	-	X	X	-	-	-	-	-
S3	-	-	X	X	-	-	-	-
S4	-	X	-	-	-	-	-	-
S5	X	-	X	-	-	-	-	-
S6	X	X	X	X	-	-	-	-
S7	X	-	X	-	-	-	-	-
S8	X	-	-	X	-	-	-	-

Keterangan: ‘x’ bermakna mewakili data. S1-S8- Sekolah 1 hingga Sekolah 8, GCPI- Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P-pelajar, G-guru, P/PK- Pengetua/Penolong Kanan, AD- Analisis Dokumen, dan O-Observasi.

Dorongan utama yang diakui ada pada GCPI di S1-S8 untuk terus berada dalam kecemerlangan adalah gembira melihat pelajar berjaya. Sebagai contoh GCPI1 (1147) dalam temu bual pengkaji dengan beliau ada berkata: (GCPI:MTVS/INT/GMKP) “...Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana apa yang kita sampaikan kepada dia kan, maknanya dia dah jadi orang yang berharga, bernilai dalam masyarakat.” Kegembiraan beliau terhadap para pelajar yang berjaya merupakan satu dorongan kegembiraan yang berpanjangan. Hal kesyukuran dan kegembiraan ini juga sama dikongsi oleh GCPI5 yang secara ringkasnya menjelaskan bahawa pelajar beliau yang ada masalah di sekolah boleh menjadi ketua dan boleh menjadi imam di tempat lain apabila mereka berpindah (GCPI5:455). Bagi GCPI5 (127,333,343) beliau mahu melihat para pelajar cemerlang sebagaimana beliau cemerlang. Oleh itu, beliau tidak berkompromi dalam hal disiplin dan sambil lewa pelajar dan sanggup mengenakan denda dan hukuman kepada mereka. Beliau merasa hampa dan kecewa sekiranya mendapati ada para pelajarnya gagal dalam hidup. GCPI7 (194) pula menjelaskan, kegembiraan beliau bukan sahaja terletak kepada bilangan para pelajar beliau yang berjaya dalam peperiksaan, tetapi juga kegembiraan beliau apabila melihat mereka memahami dan mengamak ajaran Islam dalam kehidupan.

Bagi GCPI8 (:451), beliau begitu seronok kerana ramai para pelajar beliau yang bukan setakat berjaya dalam hidup dengan masuk universiti dan bekerja, bahkan

mereka masih mengingati beliau dengan selalu datang ke rumah pada hari raya, atau menghubungi beliau bertanya khabar atau masalah selang sebulan dua. Bagi GCPI yang lain, responden pelajar mengakui bahawa GCPI mereka gembira melihat mereka berjaya dalam mana-mana ujian atau peperiksaan (P1S2:317; P2S2:230), berjaya mengamalkan ilmu (P1S2:321), dan seterusnya berjaya dalam hidup bukan sahaja di dunia bahkan di alam akhirat (P1S2:325). Begitu juga responden pelajar memahami kemarahan GCPI mereka adalah kerana hendak melihat mereka jadi orang pandai dan berjaya (P2S3:292.375). responden pelajar GCPI4 pula melihat bahawa GCPI mereka mahukan mereka cemerlang dalam akademik dan akhlak (P1S4:398).

Dorongan amanah juga merupakan motivasi kedua tertinggi dalam motivasi intrinsik bagi semua GCPI di S1-S8. Gambaran amanah daripada temubual dapat dilihat pada kata-kata GCPI8 (958): (GCPI:MTVS/INT/AMNH) *“Apabila kita tahu hubungan kita akan buat amanah, kita akan melaksanakan amanah yang diberikan kepada kita sebaik mungkin. Bila kita amanah dengan sendirinya hati kita akan menjadi luhur, apabila hati luhur kita akan pergi kepada ikhlas.”* Berdasarkan kata-kata GCPI8 ini, motivasi utama datang daripada rasa amanah. Apabila seorang itu amanah, dengan sendiri keikhlasan datang. Selain itu, amanah di sini juga diterjemahkan sebagai rasa tanggungjawab yang dipikul untuk memberi ilmu dan memajukan para pelajar. Hal ini menyebabkan mereka berasa tidak terlepas daripada disoal terhadap amanah ini di hadapan Allah S.W.T. jika cuai dan lalai (GCPI1 2008:1155; GCPI2:419; GCPI8:958). Amanah juga diterjemahkan dengan keselarisan antara usaha mendidik dan hasil gaji dan pendapatan. Jika tidak selari, gaji dan pendapatan menjadi tidak halal dan ini seterusnya menjadikan hidup tidak berkat (GCPI3:763; GCPI5:539; GCPI7:212).

Selain itu, amanah seorang guru agama untuk menyambung risalah kenabian. Jika dorongan sebagai penyambung risalah ini ada, nescaya semua tugas yang berat akan menjadi mudah (GCPI5:542). Selain itu, dorongan amanah juga menyebabkan rasa bersalah timbul dalam hati kerana terpaksa meninggalkan kelas yang menjadi amanah sekalipun kedapatan tugas yang lebih penting dan utama (GCPI4:146).

Jadual 4 : Pola dorongan rasa amanah dalam Motivasi Intrinsik Kecemerlangan GCPI di S1-S8

Sek	Data Temu bual						Obesrvasi	Dokumen
	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/PK	O	AD
S1	X	-	-	-	-	-	-	-
S2	X	-	-	X	-	-	-	-
S3	X	-	-	-	-	X	-	-
S4	X	-	X	-	-	-	-	-
S5	X	-	-	X	-	-	-	-
S6	X	-	-	X	-	-	-	-

S7	X	X	-	X	X	-	-	-
S8	X	-	-	X	-	X	-	-

Keterangan: 'x' bermakna mewakili data. S1-S8- Sekolah 1 hingga Sekolah 8, GCPI- Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P-pelajar, G-guru, P/PK- Pengetua/Penolong Kanan, AD- Analisis Dokumen, dan O-Observasi

Selain amanah, pahala dan balasan akhirat juga merupakan dorongan GCPI di S1-S8 kecuali GCPI7 di S7 yang tidak kedapatan data dalam dorongan ini. Gambaran dorongan pahala boleh dilihat daripada kata-kata GCPI2 (430): (GCPI:MTVS/INT/PHL) "...konsep kita pekerjaan, memanglah ibadah." Dorongan pahala ini terbina kerana keyakinan GCPI terhadap usaha mendidik merupakan fardu ain yang sudah tentu memberi impak pahala yang besar (P1S1:228; GCPI2; GCPI3:807; ADS4:852; G2S4:242; GCPI5:444). Selain itu, saham akhirat juga diperolehi oleh GCPI jika pelajar berjaya di dunia dan akhirat melalui sedekah jariah, iaitu amalan yang diamalkan oleh para pelajar (P2S1:276; GCPI2:422, 505; GCPI3:811; GCPI8:766). Seterusnya, ada pula GCPI mahu mencontohi para guru beliau sewaktu mendidiknya di peringkat menengah dan tinggi dari segi bersungguh-sungguh dalam amalan, keikhlasan, kekhushyukan, pengorbanan harta dan masa dalam mendidik para pelajar dengan harapan dapat bangkit bersama dengan guru-gurunya di alam akhirat (GCPI5:927).

Jadual 5 : Pola dorongan pahala dan balasan akhirat dalam Motivasi Intrinsik Kecemerlangan GCPI di S1-S8

Sek	Data Temu bual						Obesrvasi	Dokumen
	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/PK	O	AD
S1	-	X	X	-	-	-	-	-
S2	X	-	-	-	-	X	-	-
S3	X	-	-	-	-	-	-	-
S4	-	-	-	-	X	-	X	-
S5	X	-	-	X	X	-	-	-
S6	-	-	-	X	-	-	-	-
S7	-	-	-	-	-	-	-	-
S8	X	-	-	-	-	-	-	-

Keterangan: 'x' bermakna mewakili data. S1-S8- Sekolah 1 hingga Sekolah 8, GCPI- Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P-pelajar, G-guru, P/PK- Pengetua/Penolong Kanan, AD- Analisis Dokumen, dan O-Observasi.

Minat terhadap profesyen perguruan juga menjadi dorongan utama GCPI di S1-S8 kecuali GCPI di S5 dan S8 yang tidak menunjukkan data tentang dorongan minat ini. Jadual 5 menunjukkan pola rasa minat terhadap pekerjaan guru di S1-S8.

Jadual 6 : Pola dorongan minat mengajar dalam Motivasi
Intrinsik Kecemerlangan GCPI di S1-S8

Sek	Data Temu bual						Obesrvasi	Dokumen
	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/PK	O	AD
S1	X	-	-	-	-	-	-	-
S2	-	X	X	X	-	-	-	-
S3	-	-	-	-	X	-	-	-
S4	-	-	-	-	X	-	-	-
S5	-	-	-	-	-	-	-	-
S6	X	X	-	-	X	-	-	-
S7	X	X	X	X	-	-	-	-
S8	-	-	-	-	-	-	-	-

Keterangan: 'x' bermakna mewakili data. S1-S8- Sekolah 1 hingga Sekolah 8, GCPI- Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P-pelajar, G-guru, P/PK- Pengetua/Penolong Kanan, AD- Analisis Dokumen, dan O-Observasi

Respondan menjelaskan bahawa GCPI memang seorang yang minat dan cinta terhadap profesyen perguruan (G1S2:341; G2S3:266; G2S4:253; G2S6:221;G1S7:285) sehingga mendorong mereka menimba ilmu dan mencuba tentang perkara baru tanpa jemu (GCPI1:582). Bahkan ada yang sentiasa berbicara tentang apa sahaja perkara yang berkaitan dengan perguruan seperti pelajar, markah dan masalah berkaitan (G2S2:485). Terdapat juga GCPI (GCPI6:133,560) yang berkata: "...walaupun biasanya kalau saya kat rumah saya letih tapi bila sampai sekolah saya rasa macam segar... sebab saya fikir saya suka mengajar..." Ada juga pelajar yang melihat GCPI terlalu berminat kepada perguruan bagi menaikkan ilmu Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar (P2S7:300).

Dorongan iman dan ikhlas juga merupakan dorongan yang dilihat oleh responden ada pada GCPI di S4-S8. Maksud daripada ikhlas pada GCPI4 ialah ikhlas dalam mengajar kepada para pelajar sehingga pekerjaan menjadi ibadat di sisi Allah S.W.T. dan menjadi qudwah di sisi pelajar (ADS4:852; GCPI4:310). Beliau (GCPI4:650) menambah, (GCPI:MTVS/INT/IMNDIKLS) "*Jika kita percaya (iman) bahawa kalau kita bekerja bersungguh-sungguh, bukan manusia balas, Tuhan akan balas. Dan kalau Tuhan tidak balas pada kita, Tuhan balas (kepada) anak-anak kita.* Sebab itu, beliau ikhlas membuat kelas tambahan tanpa bayaran kepada kelas beliau dan kelas rakan-rakan beliau tanpa pengetahuan rakan-rakan kerana ingin menolong (GCPI4:885). Bahkan dorongan ikhlas ini terserlah ketika mengajar sehingga diakui oleh rakan guru yang memantau P&P beliau (G2S4:242). Begitu juga dengan GCPI yang lain di S5-S8, ikhlas atau kerana Allah S.W.T. ditegaskan sebagai dorongan mereka (G2S5:103; GCPI5:678; GCPI6:455,556: G1S8: 299) selain iman (G2S5:225) sehingga tidak pernah

merungut dalam P&P atau merungut membuat kerja berkaitan dengan tambahan pada hari cuti tanpa mengharapkan bayaran bahkan sanggup menyediakan makanan pula untuk para pelajar beliau (PKS7:255).

Jadual 7 : Pola dorongan iman dan ikhlas dalam Motivasi Intrinsik Kecemerlangan GCPI di S1-S8

Sek	Data Temu bual						Obesrvasi	Dokumen
	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/PK	O	AD
S1	-	-	-	-	-	-	-	-
S2	-	-	-	-	-	-	-	-
S3	-	-	-	-	-	-	-	-
S4	X	-	-	-	X	-	X	-
S5	X	X	-	-	X	-	-	X
S6	X	-	-	-	-	-	-	-
S7	-	-	X	X	-	X	-	-
S8	X	-	-	X	-	-	-	-

Keterangan: 'x' bermakna mewakili data. S1-S8- Sekolah 1 hingga Sekolah 8, GCPI- Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P-pelajar, G-guru, P/PK- Pengetua/Penolong Kanan, AD- Analisis Dokumen, dan O-Observasi

Dorongan seterusnya yang menyemarakkan kesungguhan GCPI di S1-S8 kecuali GCPI3 yang tidak ada data berkaitan dengannya adalah kerana kepuasan bekerja dan merasa seronok menjadi guru. Definisi keseronokan kerja dan seronok dijelaskan sebagai keseronokan GCPI menjadi warga guru sekolah selain menyumbang kepada sekolah sebagai satu kepuasan. Kenyataan ini terjelas melalui kata-kata (GCPI1:686,714): (GCPI:MTVS/INT/KPSKRJDSRNK) *“Begitulah jugak tentangnya bagi ana sendiri. Ana rasa kekuatan yang paling asas sekali ialah bidang apa bisnes kita ialah nilah hasil yang kita boleh bagi pada sekolah. Itu adalah satu kepuasan.”*

Jadual 8 : Pola dorongan kepuasan bekerja dan merasa seronok menjadi guru dalam Motivasi Intrinsik Kecemerlangan GCPI di S1-S8

Sek	Data Temu bual						Obesrvasi	Dokumen
	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/PK	O	AD
S1	X	-	-	-	-	-	-	-
S2	X	-	-	X	X	-	-	-
S3	-	-	-	-	-	-	-	-
S4	X	X	-	-	-	-	-	-
S5	-	-	-	-	-	X	-	-
S6	X	-	-	X	X	-	-	-
S7	X	-	-	X	X	-	-	-
S8	X	-	-	-	X	-	-	-

Keterangan: 'x' bermakna mewakili data. S1-S8- Sekolah 1 hingga Sekolah 8, GCPI- Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P-pelajar, G-guru, P/PK- Pengetua/Penolong Kanan, AD- Analisis Dokumen, dan O-Observasi

Kepuasan kerja juga bermaksud seronok membuat kerja berkaitan dengan perguruan atau suka menjadi cikgu (GCPI2:556,567,658;PS5:223), seronok mengajar (P1S4:402; G1S6:229), kepuasan kerja kerana nampak kejayaan dicapai oleh pelajar (GCPI4:607), kepuasan mendidik para pelajar daripada perangai yang tidak elok sehingga menjadi elok (GCPI7:497), dan kepuasan kerana mendapat penghargaan daripada para pelajar dalam bentuk hubungan erat yang berkekalan walau pun mereka berjaya (GCPI8:443).

Jadual 9 :Pola dorongan murid beramal dan berakhlak dalam Motivasi Intrinsik Kecemerlangan GCPI di S1-S8

Sek	Data Temu bual						Obesrvasi	Dokumen
	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/PK	O	AD
S1	X	-	-	-	-	-	-	-
S2	-	-	-	-	-	-	-	-
S3	X	-	-	-	-	-	-	-
S4	X	-	-	-	X	-	-	-
S5	-	-	-	-	-	-	-	-
S6	-	-	X	-	-	-	-	-
S7	X	-	-	-	-	-	-	-
S8	X	-	-	-	-	X	-	-

Keterangan: 'x' bermakna mewakili data. S1-S8- Sekolah 1 hingga Sekolah 8, GCPI- Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P-pelajar, G-guru, P/PK- Pengetua/Penolong Kanan, AD- Analisis Dokumen, dan O-Observasi

Pelajar boleh melakukan tingkah laku yang dididik sama ada dalam bentuk ibadat atau pun akhlak merupakan dorongan dalaman yang ada pada GCPI di S1-S8 kecuali GCPI2 dan GCPI5 kerana tidak terdapat data yang berkaitan. Ada kalangan GCPI menceritakan pengalaman mereka tentang kejayaan pelajar menjadi manusia yang berguna dengan akhlak dan ibadat yang menggembirakan mereka (GCPI1:649; GCPI4:424,609). Ada pula yang berdasarkan matlamat P&P yang mereka hendak capai kepada para pelajar dari segi ibadat, akhlak dan amalan seharian (GCPI3:811; P2S6:228; GCPI7:196; GCPI8:507). Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh GCPI3 (811): (GCPI:MTVS/INT/MRDBRAMLAKHLK) *“pada sayalah, saya nak budak tu boleh, jangan sampai tak reti sembahyang, esok, saya bukan kena buat benda tu, nanti, saya ada saham, depa belajar dengan saya pasal apa depa tak boleh sembahyang.”*

Jadual 10 : Pola dorongan dakwah dan jihad berakhlak dalam Motivasi Intrinsik Kecemerlangan GCPI di S1-S8

Sek	Data Temu bual						Obesrvasi	Dokumen
	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/PK	O	AD
S1	-	X	-	-	-	-	-	-
S2	X	-	-	-	-	-	-	-
S3	X	-	-	-	-	-	-	-
S4	X	-	-	-	-	-	-	-
S5	X	-	-	-	-	-	-	-
S6	-	-	-	-	-	-	-	-
S7	-	-	-	-	-	-	-	-
S8	-	-	-	-	-	-	-	-

Keterangan: 'x' bermakna mewakili data. S1-S8- Sekolah 1 hingga Sekolah 8, GCPI- Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P-pelajar, G-guru, P/PK- Pengetua/Penolong Kanan, AD- Analisis Dokumen, dan O-Observasi

Jadual 11 : Pola dorongan kebiasaan dan pengalaman dalam Motivasi Intrinsik Kecemerlangan GCPI di S1-S8

Sek	Data Temu bual						Obesrvasi	Dokumen
	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/PK	O	AD
S1	-	-	-	-	-	-	-	-
S2	-	-	-	-	-	-	-	-
S3	-	-	-	-	-	-	-	-
S4	-	-	-	-	-	X	-	-
S5	-	X	-	-	-	-	-	-
S6	-	-	-	-	-	-	-	-
S7	-	-	-	-	-	-	-	-
S8	-	-	-	-	-	-	-	-

Keterangan: 'x' bermakna mewakili data. S1-S8- Sekolah 1 hingga Sekolah 8, GCPI- Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P-pelajar, G-guru, P/PK- Pengetua/Penolong Kanan, AD- Analisis Dokumen, dan O-Observasi

Akhir sekali, dorongan dakwah dan jihad mengikut data juga merupakan dorongan yang penting bagi GCPI di S1-S5 (P1S1:237; GCPI2:376). Dorongan ini dalam data tidak terdapat pada GCPI di S6-S8. Mengajar menurut GCPI3 (807,823,829): (GCPI:MTVS/INT/DKWHDJHD) “sekolah harian memanglah pengorbabab macam tu, kalau kita nak budak-budak kita reti agama, memang perlu pengorbanan terutama dari segi masa...” Bagi GCPI4 (171,179,880) pula, selain masa, harta dan wang ringgit turut dikorbankan untuk menyediakan BBM dan beliau menganggap itu juga merupakan fi sabillah. Hal yang sama juga bagi GCPI(539) yang menjelaskan bahawa menjadi guru agama merupakan

penyambung risalah kenabian, iaitu menyampaikan dakwah dalam bidang Pendidikan Islam.

Jadual 12 : Pola dorongan mencapai target dan pengiktirafan dalam Motivasi Intrinsik Kecemerlangan GCPI di S1-S8

Sek	Data Temu bual						Obesrvasi	Dokumen
	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/PK	O	AD
S1	-	-	X	-	-	-	-	-
S2	-	-	-	-	-	-	-	-
S3	-	-	-	-	-	-	-	-
S4	-	-	-	-	-	-	-	-
S5	-	-	-	-	-	-	-	-
S6	-	-	-	-	-	-	-	-
S7	-	-	X	-	X	-	-	-
S8	X	-	-	-	X	X	-	-

Keterangan: 'x' bermakna mewakili data. S1-S8- Sekolah 1 hingga Sekolah 8, GCPI- Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P-pelajar, G-guru, P/PK- Pengetua/Penolong Kanan, AD- Analisis Dokumen, dan O-Observasi

Terdapat juga dorongan kesungguhan yang hanya mewakili sebahagian kecil GCPI di S1-S8, iaitu kebiasaan dan pengalaman hidup yang mewakili GCPI4 (PS4:268) dan GCPI5 (P1S5:284); serta mencapai target dan pengiktirafan yang mewakili GCPI1 (P2S1:269), GCPI7 (GCPI7:172; P2S7;294) dan GCPI8 (G2S8:159; PKS8:351,366,375).

PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian jelas bahawa motivasi intrinsik yang terdiri daripada gembira melihat pelajar berjaya, amanah, pahala dan balasan akhirat, minat mengajar, iman dan ikhlas, kepuasan bekerja dan merasa seronok menjadi guru, murid beramal dan berakhlak, dakwah dan jihad, kebiasaan dan pengalaman serta mencapai target dan pengiktirafan merupakan antara faktor-faktor yang membantu kepada kecemerlangan GCPI.

Pola dapatan ini berkait rapat dengan kenyataan A. Chellamal Bagavathy (2005) dalam kajiannya yang bertajuk Mengatasi Kelemahan Murid Menguasai Aspek Tatabahasa Dalam Bahasa Melayu Melalui Cara Permainan Bahasa. Beliau sebagai seorang guru berasa gembira atas pencapaian murid-murid. (A. Chellamal Bagavathy, 2005).

Amanah dan ikhlas merupakan faktor seterusnya dalam motivasi intrinsik bagi mencapai kecemerlangan GCPI. Ciri-ciri ini sama dengan pendapat Nik Salida Suhaila Nik Saleh (3 Mac 2011) yang dinyatakan di dalam Berita Harian Online.

“Kualiti seorang guru sangat penting dalam membina sahsiah pelajar, sebab itu mereka harus ikhlas, berdedikasi, jujur dan bertanggungjawab terhadap amanah yang dipikul, seperti mana Rasulullah SAW sebagai guru setiap umat Islam kerana Baginda mencukupi ciri contoh ikutan yang baik”(Nik Salida Suhaila Nik Saleh, 2011)

Faktor dorongan motivasi intrinsik yang seterusnya ialah minat. Minat dan kecenderungan memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Setiap individu yang berminat dalam perkara yang dipelajari akan menunjukkan pencapaian yang tinggi dalam perkara yang diceburi. Dalam proses pemilihan, minat memainkan peranan yang sangat penting sebagaimana yang telah disarankan oleh Holland (1973), dalam kajiannya iaitu pemilihan kerjaya adalah dipengaruhi atau didorong oleh minat seseorang.

Robbin (1989) mendefinisikan kepuasan kerja sebagai sikap umum individu terhadap kerja. Individu yang mempunyai kepuasan kerja yang tinggi akan mempunyai sikap positif terhadap kerjanya. Kepuasan kerja ini boleh dikaitkan dengan ciri faktor dorongan motivasi intrinsik GCPI.

Faktor pencapaian target dan pengiktirafan untuk mencapai kecemerlangan GCPI juga disokong oleh Herzberg dan kawan-kawannya. Menurut Herzberg, Mausner, & Snyderman (1959), penggerak atau faktor intrinsik, seperti pencapaian dan pengiktirafan, menghasilkan kepuasan kerja.


Faktor lain yang menjadi dorongan motivasi intrinsik GCPI seperti pahala dan balasan akhirat, murid beramal dan berakhlak, dakwah dan jihad serta kebiasaan dan pengalaman merupakan jumpaan baru dalam kajian ini.

Secara ringkas, dapatan kajian mengenai faktor dorongan motivasi intrinsik dalam membantu kecemerlangan GCPI adalah selaras dengan pandangan pengkaji sebelum ini.

IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan pola kajian, pengkaji mendapati terdapat satu model faktor dorongan motivasi intrinsik yang mempengaruhi kecemerlangan GCPI seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Faktor dorongan motivasi intrinsik dalam kecemerlangan GCPI



Berdasarkan Rajah 1, didapati terdapat ciri yang diperkatakan oleh responden yang membantu kepada kecemerlangan GCPI seterusnya membantu kepada kejayaan sekolah. Berdasarkan data, ciri tersebut terdiri daripada 10 bentuk motivasi intrinsik iaitu gembira melihat pelajar berjaya, amanah, pahala dan balasan akhirat, minat mengajar, iman dan ikhlas, kepuasan bekerja dan merasa seronok menjadi guru, murid beramal dan berakhlak, dakwah dan jihad, kebiasaan dan pengalaman serta mencapai target dan pengiktirafan.

KESIMPULAN

Tulisan ini telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan, perbincangan kajian penampilan diri GCPI. Hasil daripada pola dapatan kajian didapati terdapat model MFMIKG CPI yang boleh dijadikan faktor dorongan motivasi intrinsik kepada guru. Berdasarkan model, terdapat sepuluh faktor motivasi intrinsik yang berkaitan dengan GCPI iaitu gembira melihat pelajar berjaya,

amanah, pahala dan balasan akhirat, minat mengajar, iman dan ikhlas, kepuasan bekerja dan merasa seronok menjadi guru, murid beramal dan berakhlak, dakwah dan jihad, kebiasaan dan pengalaman serta mencapai target dan pengiktirafan.

RUJUKAN

- A.Chellamal Bagavathy (2005). *Mengatasi Kelemahan Murid Menguasai Aspek Tatabahasa dalam Bahasa Melayu Melalui Cara Permainan Bahasa*.
- Bogdan,R.C. dan Miklen,S.K. (2003). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn dan Bacon
- Borang persetujuan pakar Pendidikan Islam terhadap tema data kualitatif (2009).
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic motivation and self-determination in human behavior*. New York: Plenum.
- Herzberg, F., Mausner, B. & Snyderman, B.B. 1959, *The Motivation to Work*. John Wiley. New York.
- Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2003), *Multimedia dalam Pendidikan*, PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Jerome Bruner (1966) *Discovery Learning*.
- M. Sobry Sutikno (15 April 2007). *Peran Guru Dalam Membangkitkan Motivasi Belajar Siswa*. Fratres Immaculatae Conceptionis (FIC). <http://bruderfic.or.id/>.
- Majlis Guru Cemerlang Malaysia (MGCM). (2007). *Diari Majlis Guru Cemerlang Malaysia 2007*.T.t.p.:T.p.
- Merriam, S.B. (1997). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Fransisco: Jossey- Bass.
- Mufli. 2010. [Motivasi Instrinsik Dan Motivasi Ekstrinsik](http://motivasiinstrinsikdanmotivasi-ekstrinsik.com/). <http://motivasiinstrinsikdanmotivasi-ekstrinsik.com/>, [12 April 2011].
- Nik Salida Suhaila Nik Saleh (2011/03/03). *Pendidik Pikul Amanah Pewaris Nabi*. Berita Harian Online.
- Reber A.S. (1985). *Dictionary of Psychology*. New Zealand: Penguin Books.
- Taidin Suhaimin. *Definisi, pengertian dan takrifan motivasi*. Usahawan Group Management Consultants (UGMC) Website.
- Tanpa Pengarang (2008). *Kamus Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi 4 (2008).
- Wood, R. E., Kakebeeke, B. M., Debowski, S., & Frese, M. (2000). *Applied Psychology: An International Review*, 49, 263–283.
- Woolfolk, A. (1995). *Education psychology* (6th ed.). Boston, MA:Allyn & Bacon (648 pp.).